

Rafizi: Lebih banyak bantuan tunai jika Pakatan menang
MalaysiaKini.com
April 8, 2013
Oleh Ram Anand

Pengarah strategi PKR Rafizi Ramli berkata Pakatan Rakyat tidak akan menghentikan pemberian bayaran tunai sekiranya berjaya merampas pentadbiran negara dalam pilihan raya umum akan datang.

Malah, Pakatan akan memberi lebih banyak bantuan tunai yang akan disalurkan kepada kumpulan tertentu dengan lebih khusus.

"Tentulah ia tidak akan dipanggil BR1M. Kami tidak akan (beri secara) umum, hanya menasarkannya kepada keluarga berpendapatan kurang RM3,000. Kami akan khususkan sasaran kepada kumpulan berbeza yang benar-benar memerlukan seperti suri rumah dan seterusnya," katanya.

Bagaimanapun, Rafizi menegaskan bahawa Pakatan tidak akan menjadikan pemberian tunai sebagai program ekonomi utamanya.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
Source: <http://www.malysiakini.com/news/226134>